



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE UNTUK MAKLUMAN :

**Y.B. MENTERI
Y.B. TIMBALAN MENTERI
Y.BHG. KSU
Y.BHG. TKSU (PDN)
Y.BHG. TKSU (PPP)
SETIAUSAHA AKHBAR**

15 DISEMBER 2022 (KHAMIS)



KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE (KPDN)

15 DISEMBER 2022 (KHAMIS)

Isu minyak masak

Peniaga akur harga ditetapkan kerajaan

Petaling Jaya: Kebanyakan kedai runcit dan pasar raya di sekitar ibu negara menjual minyak masak botol mengikut harga kawalan ditetapkan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN).

Tinjauan mendapati minyak botol bagi satu kilogram (kg) dijual pada harga siling RM6.90, manakala bagi dua kg pula (RM13.30), tiga kg (RM19.60) dan lima kg (RM30.90).

Pengguna, Noriah Ahmad, 45, berkata harga kawalan minyak botol yang kini sedikit turun dapat mengurangkan beban belanjanya untuk belian barangan dapur.

"Berbanding penetapan harga sekarang, harga minyak masak botol sebelum ini lebih mahal. Sebelum ini, ada beberapa kedai runcit di sekitar sini menjual minyak masak botol 5 kg pada harga mencecah RM39.90 sebotol," katanya.

Pemilik kedai makan, Hasan Abdi, 49, berkata inisiatif kerajaan untuk menetapkan harga siling minyak masak sawit botol ini dapat mengelakkan peruncit meletakkan harga dengan sewenang-wenangnya.

"Apa yang saya tahu, pembelian minyak paket sekarang ditetapkan tiga paket untuk sekeluarga dan hanya untuk kegunaan keluarga B40.

"Selain itu, minyak masak pa-

ket juga bukan untuk kegunaan berniaga. Jadi, saya perlu membeli minyak masak sawit botol untuk kegunaan perniagaan di kedai makan saya," katanya.

Setuju langkah harga siling

Sementara itu, beberapa pembeli yang enggan dikenali turut bersetuju dengan langkah kerajaan menetapkan harga siling minyak masak sawit kerana ia dapat mengelakkan peruncit menjual pada harga yang mahal.

Terdahulu, media melaporkan mana-mana pihak yang menjual melebihi harga maksimum yang ditetapkan, boleh dikenakan tindakan mengikut Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011.

Sementara itu, di Tawau, minyak masak botol masih kekal dijual pada harga seperti ditetapkan kerajaan di hampir semua pasar raya dan premis perniagaan di Tuaran dan Tamparuli, semalam.

Tinjauan mendapati tiada premis perniagaan terbabit mengambil kesempatan menjual minyak masak itu pada harga lebih rendah atau tinggi daripada yang dibenarkan.

Bagaimanapun, segelintir kedai runcit pula tidak menjual bahan makanan itu, memandangkan sukar memperoleh bekalan.

Penyelia sebuah pasar raya di Tuaran, Sukarni Ali, 55, berkata



Orang awam membeli harga minyak masak botol di sebuah pasar raya di Putrajaya, semalam.

(Foto Aizuddin Saad/BH)

harga minyak masak botol terakluk kepada harga kawalan ditetapkan kerajaan.

"Harga minyak masak dijual mengikut berat iaitu satu kg RM6.90, dua kg berharga RM13.30, empat kg berharga RM19.60 dan lima kg dijual RM30.90.

"Semua harga itu berkuat kuasa dari 8 Disember 2022 hingga 7 Januari 2023," katanya,

di sini semalam.

Beliau berkata, semua premis perniagaan di Tuaran dan Tamparuli sudah dinasihati supaya mematuhi harga pasaran minyak masak botol itu.

Sukrani mengakui minyak masak dalam pek plastik sekilogram pula memang sukar diperoleh di pasaran pada masa ini.

Pengguna, Alberta Thomas,

77, mengakui agak sukar mendapatkan minyak masak botol, memandangkan harga yang begitu tinggi.

Sehubungan itu, beliau berharap kerajaan mengambil langkah memperbanyakkan penjualan minyak masak dalam pek plastik untuk membantu penduduk miskin di Tuaran dan Tamparuli.

 Senarai Harga Barang Keperluan	• Ayam	RM8.99	• Telur Gred A	RM13.50	• Gula Pasir	RM2.42	• Cili Merah	RM8.99
	• Daging Lembu Tempatan	RM44.29	• Ikan Kembung	RM14.99	• Bawang Besar Holland	RM2.90	• Kubis Bulat Tempatan	RM2.59
	• Daging Lembu Import	RM50.90	• Minyak Masak	RM6.65	• Bawang Putih	RM5	• Tepung Gandum	RM3.23
*Harga (RM/kg) Sumber: KPDNHEP								

BERITA ONLINE BERTARIKH 15 DISEMBER 2022			
TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
15-Dec	Mat Sabu adakan pertemuan dengan kementerian perdagangan teliti isu berkaitan bekalan makanan	https://malaysiadateline.com/mat-sabu-adakan-pertemuan-dengan-kementerian-perdagangan-teliti-isu-berkaitan-bekalan-makanan/	MALAYSIADATELINE
15-Dec	MAFS, KPDN rangka kerjasama dan strategi atasi isu bekalan makanan	https://www.kosmo.com.my/2022/12/14/mafs-kpdn-rangka-kerjasama-dan-strategi-atasi-isu-bekalan-makanan/	KOSMO
15-Dec	Mesyuarat Koordinasi Kos Sara Hidup Antara KPDN Dan MAFS	https://siakapkeli.my/2022/12/14/mesyuarat-koordinasi-kos-sara-hidup-antara-kpdn-dan-mafs/	SIAKAPKELI
15-Dec	KPDN akan pastikan bekalan telur mencukupi sebelum tiba musim perayaan	https://berita.rtm.gov.my/~berita/index.php/semasa/53105-kpdn-akan-pastikan-bekalan-telur-mencukupi-sebelum-tiba-musim-perayaan	BERITARTM
15-Dec	Jelajah Ehsan Rakyat diteruskan tahun depan	https://www.utusan.com.my/nasional/2022/12/jelajah-ehsan-rakyat-diteruskan-tahun-depan/	UM
15-Dec	Diesel abuse: Man arrested, 4WDs seized	https://www.dailyexpress.com.my/news/204344/diesel-abuse-man-arrested-4wds-seized/	DAILYEXPRESS
15-Dec	Kedai runcit, pasar raya patuh harga siling minyak masak botol	https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2022/12/1039465/kedai-runcit-pasar-raya-patuh-harga-siling-minyak-masak-botol	BH
15-Dec	Selesai isu harga naik ketika musim tengkujuh	https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/236106	SH